



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



## TAJUK ; FALSAFAH DAN HIKMAH KORBAN



ISLAMIC - SAUQUUR - OBEEDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "FALSAFAH DAN HIKMAH KORBAN". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولِي الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah sama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "FALSAFAH DAN HIKMAH KORBAN."</p>	6



Ibadah korban adalah satu amalan memupuk rasa syukur terhadap nikmat kurniaan Allah SWT. Ia juga merupakan ibadah kepada Allah bagi sesiapa yang memiliki kemampuan untuk melakukannya. Di samping itu, Allah SWT menjadikan korban sebagai satu ibadah dalam membangunkan syiar agama-Nya serta mendidik hamba-Nya agar lebih dekat kepada-Nya. Mereka yang melaksanakan ibadah korban akan berusaha mencari jalan untuk meraih reda dan rahmat Allah SWT. Oleh itu, sebelum melaksanakan ibadah korban kita perlu berniat dengan ikhlas sebagai cerminan kepada ketakwaan hati.

7

Firman Allah dalam Surah al-Maidah ayat 27 :

إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ

8

*"Allah hanya menerima daripada orang yang bertakwa."*

Penghayatan falsafah pelaksanaan korban perlu dihayati oleh setiap umat Islam agar pelaksanaannya dapat dilakukan secara konsisten pada setiap tahun. Ini bagi menyahut seruan berkorban yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radillahuanhu:

9

ضَحَّى النَّبِيُّ ﷺ بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ، ذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ، وَسَمَّى وَكَبَّرَ  
وَوَضَعَ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا

*"Rasulullah SAW berkorban dengan dua ekor kibas jantan putih kehitaman lagi bertanduk, Baginda menyembelih keduanya dengan tangannya, lalu mengucapkan basmallah serta bertakbir, dan Baginda meletakkan kakinya di antara leher dan badan kedua haiwan tersebut."*

10

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*



Kita dituntut untuk memahami falsafah perbuatan secara teliti dan cermat lebih-lebih lagi yang melibatkan urusan ibadah. Ini kerana, setiap amalan sentiasa berpaksikan kepada matlamat dan tujuan untuk akhirat semata-mata yang ditetapkan oleh Allah SWT walaupun kadangkala pada pandangan manusia ia agak sukar untuk dilakukan.

11

Antara falsafah korban yang dapat dihayati dan difahami adalah:

1. Ibadah korban merupakan manifestasi sikap ketundukan dan keredaan terhadap perintah Allah SWT. Reda bermakna bertindak dengan melakukan apa sahaja bertujuan mendapat keredaan Allah dan meninggalkan semua perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

12

2. Ibadah korban Menerapkan dalam jiwa yang luhur agar jangan sesekali terpedaya dan tertipu dengan bisikan syaitan. Jarum halus syaitan terus memperdaya manusia dengan jalan supaya sayang kepada harta benda. Bisikan-bisikan jahat ini menjadikan kita cinta dan bimbang untuk melepaskan harta dunia. Akibatnya, ia menjadikan kita bertanggung dan enggan melaksanakan ibadah korban. Malah, jauh sekali merasa sedih tidak dapat melakukan ibadah korban pada tahun itu.

13

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 268:

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُم بِالْفَحْشَاءِ وَاللَّهُ يَعِدُكُم مَّغْفِرَةً مِّنْهُ وَفَضْلًا وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦٨﴾

14



<p><i>“Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah atau menderma), dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil kedekut); sedang Allah menjanjikan kepada kamu (dengan) keampunan daripada-Nya serta kelebihan kurnia-Nya. Dan (ingatlah), Allah Maha Luas limpah rahmat-Nya, lagi sentiasa Meliputi Pengetahuan-Nya.”</i></p>	15
<p>3. Ibadah korban menjadikan kita sebahagian daripada individu yang cakna dan peduli tentang keberadaan masyarakat sekeliling yang kurang berkemampuan. Sebenarnya, Zulhijjah merupakan masa yang terbaik dan sesuai untuk kita mendidik diri menjadi lebih prihatin dengan keberadaan saudara-saudara kita yang memerlukan sumbangan dan bantuan. Akhirnya, pelaksanaan ibadah korban dapat membina aura dan impak positif dalam diri dan kehidupan kerana kita dapat meringankan bebanan saudara-saudara kita yang memerlukan</p>	16
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat dua yang bermaksud :</p> <p><i>“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”</i></p>	17



Sudah pasti, tuntutan pelaksanaan ibadah korban banyak mengandungi hikmah yang tersurat lagi tersirat. Terdapat beberapa hikmah di sebalik tuntutan pelaksanaan ibadah korban menjurus kepada kebaikan dalam masyarakat :

1. Daging korban dapat dimakan oleh golongan fakir miskin, sasaran kepada golongan kurang berkemampuan seperti fakir miskin, ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya dan asnaf yang tinggal di penempatan-penempatan yang menantikan sumbangan daging korban. Dengan agihan yang dilakukan, kita telah melaksanakan kebaikan dan kebajikan yang dianjurkan Allah dengan menggembirakan orang yang susah sehingga mereka boleh merasai nikmat rezeki Allah seperti yang biasa kita rasai. Secara tidak langsung pelaksanaannya dapat merapatkan hubungan antara pemberi dan penerima korban. Akhirnya hubungan ini dapat mengeratkan hubungan dalam komuniti masyarakat.

18

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 28 yang bermaksud:

*"Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin."*

19



2. Pelaksanaan ibadah korban juga mempunyai kepentingan dari aspek sosial yang boleh diterjemahkan melalui agihan daging korban secara gotong-royong dalam kalangan komuniti dan masyarakat. Dengan semangat bantu-membantu dapat membina ukhwah sesama Muslim hingga terjalin ukhuwah sesama masyarakat. Pelaksanaanya juga merupakan landasan terbaik bagi umat Islam untuk mengetepikan fahaman politik, memupuk semangat kesepaduan umat Islam serta menambah semangat setia kawan dan memupuk sikap kepedulian terhadap masyarakat. Akhirnya, pelaksanaan ibadah ini akan membangkitkan kesedaran untuk sentiasa membelanjakan harta dan berkorban semata-mata untuk meninggikan syiar agama Allah.

20

3. Pelaksanaan ibadah korban dapat mengikis sifat tamak dan melahirkan sifat bermurah hati dalam diri serta mampu menanam sifat ikhlas dalam apa jua ibadah dan mampu menyemai sikap sentiasa bersyukur terhadap segala nikmat dan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita. Secara tidak langsung ia membuang sifat-sifat mazmumah terbuku dalam hati dan membuang sifat bakhil dan kedekut. Ini dapat dilihat, amalan korban yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah berdasarkan pengorbanan untuk mengikis rasa cinta pada dunia lebih-lebih lagi kepada wang ringgit, perasaan dan nyawa.

21



Mimbar ingin berpesan kepada para petugas dan pelaksana program ibadah korban sama ada anjuran masjid ataupun surau perlulah memahami hukum berkaitan ibadah korban agar tidak terkeliru. Antara perbuatan yang sering berlaku dalam masyarakat adalah mengambil daging korban terutamanya bahagian-bahagian tertentu tanpa izin. Lazimnya ia terjadi di tempat di mana daging korban dilapah dan diagihkan. Ini suatu perkara yang dilarang dan boleh mengundang dosa. Akhirnya, marilah bersama-sama kita menghayati falsafah dan hikmah ibadah korban dengan mengambil iktibar dan pengajaran daripada tuntutan pelaksanaannya agar kita dapat mengutamakan perintah Allah mengatasi segala-galanya. Tanpa pengorbanan, cinta kepada Allah tidak akan tercapai.

22

Kesimpulan khutbah yang dapat kita ambil pengajarannya pada hari ini adalah :

1. Ibadah korban adalah satu amalan memupuk rasa syukur terhadap nikmat kurniaan Allah SWT.
2. Amalan korban yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah berdasarkan pengorbanan dan perjuangan untuk mengikis rasa cinta pada dunia lebih-lebih lagi kepada wang ringgit, perasaan dan nyawa.
3. Pelaksanaan ibadah korban dapat mengikis sifat tamak dan melahirkan sifat bermurah hati bagi membentuk sifat-sifat mahmudah dan nilai-nilai Islam yang luhur dalam membelanjakan harta di jalan Allah SWT.

23

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾

24

*"Sesungguhnya kami (Allah SWT) telah memberi engkau (ya Muhammad SAW) akan kebajikan yang banyak. Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu dan sembelihlah (haiwan) korbanmu."*

25

(Al-Kauthar : 1-2).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ اِيْمَ الْعَوْنِ وَالْهَدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْا اَمِيْرَ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22